

UPM pupuk minat kanak-kanak terhadap bidang pertanian

Serdang: Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia baru-baru ini menganjurkan program pengenalan pertanian untuk kanak-kanak dikenali sebagai 'Cilik Pertanian eDU-PARK@UCTC UPM' bertujuan memupuk minat golongan itu terhadap bidang pertanian.

Ketua program, Muhammad Syafiq Kamal, berkata acara itu yang disertai 28 peserta berusia antara tujuh hingga 15 tahun memberi pendedahan mengenai kepentingan pertanian sebagai sumber makanan.

Program itu turut memberi peluang kepada peserta untuk membina kemahiran baharu dalam pertanian dan mengenali anatomi haiwan.

"Pendedahan awal kanak-kanak dengan suasana kampus dapat menyuntik semangat dan meletakkan azam dalam diri mereka supaya suatu hari nanti akan memilih UPM untuk menyambung pelajaran kelak," katanya.

Katanya, program itu menyediakan pelbagai pengisian menarik antaranya aktiviti semaian biji benih, kaedah hidroponik, dan pembuatan baja organik cecair dengan bimbingan pegawai UCTC.

Selain itu, peserta turut melawat lokasi penanaman cendawan tiram kelabu dan menuainya selain dibawa melihat tempat ternakan puyuh dan ikan tilapia di plot showcase UCTC, UPM.



Sebahagian peserta Cilik Pertanian eDU-PARK@UCTC UPM.

"Peserta juga turut melawat ke Muzium Anatomi Haiwan yang terletak di Fakulti Perubatan Veterinar, iaitu salah satu muzium yang dibuka kepada orang awam untuk lawatan di bawah eDU-PARK UPM.

"Antara lokasi lain pakej agro pelancongan yang ada di UPM adalah Muzium Anatomi Manusia, Muzium Patalogi Manusia, Muzium Warisan Melayu, Ladang Rusa, Pusat Ekuin Putra (kuda), dan Ladang Bersepadu (Ladang 10)," katanya.

Dalam pada itu, peserta turut berpeluang untuk melihat sendiri haiwan-haiwan yang diawet, mempelajari anatominya selain mempe-

lajari cara menyediakan sampel sel darah haiwan ternakan.

Sementara itu, bagi peserta program, Nurain Syakirah Mohd Zain, 15, berkata dia teruja mengikuti program berkenaan dan memperoleh pelbagai ilmu pertanian yang boleh dimanfaatkan.

"Program ini sangat bagus serta aktiviti yang dijalankan di sini memberikan pengetahuan baharu dan menimbulkan minat untuk saya untuk mendalami ilmu pertanian.

"Malah menerusi program ini saya dapat menambahkan kenalan baharu serta bertukar pandangan mengenai aktiviti di sini," katanya.